

Pembangkang, wakil NGO sokong kekal PM

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan sekumpulan wakil rakyat pembangkang datang bertemu dan menyatakan sokongan kepadanya untuk kekal sebagai Perdana Menteri, Selasa lalu.

Perdana Menteri berkata, pertemuan dengan wakil rakyat daripada PAS, UMNO dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) itu adalah perjumpaan biasa kerana pembangkang sebelum ini, termasuk Presiden PAS, Datuk Seri

Abdul Hadi Awang, sering kali menyatakan sokongan terhadapnya.

“Perjumpaan itu memang berlaku, tetapi saya jumpa semua, bukan saja pembangkang, saya juga biasa jumpa wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Presiden PAS sebelum ini sering kali cakap beliau sokong saya, jadi ini bukan benda baharu.

“Mereka nak jumpa saya, saya jumpa mereka. Saya dengar apa yang mereka nak cakap. Keba-

*“Presiden PAS
sebelum ini
sering kali cakap
beliau sokong saya,
jadi ini bukan benda
baharu.*

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

nyakan mereka nyatakan sokongan pada saya. Saya ucap terima kasih banyak-banyak,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Persidangan Meja Bulat Bersama Komuniti Dewan Perniagaan Antarabangsa di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai laporan sekumpulan wakil rakyat pembangkang bertemunya pada malam Selasa lalu.

Difahamkan, dalam pertemuan

yang turut dihadiri menteri Kabinet, kumpulan wakil rakyat pembangkang itu turut menyatakan sokongan supaya Dr Mahathir menghabiskan khidmatnya sebagai perdana menteri sehingga habis penggal.

Dr Mahathir, bagaimanapun, enggan menyebut siapa menteri Kabinet yang hadir dalam perjumpaan itu.

“Awak (wartawan) kata ini perjumpaan rahsia, jadi rahsialah,” katanya.